

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 SEPTEMBER 2016

Najib adakan lawatan tiga hari ke Jerman



**BADRUL
AZHAR RAHMAN**

Melaporkan dari BERLIN, JERMAN

BERLIN 25 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari di Jerman mulai esok bagi meningkatkan kerjasama perdagangan, pelaburan dan pendidikan dengan negara tersebut.


Ini ialah lawatan pertama beliau ke Jerman sejak menjadi Perdana Menteri dan beliau akan diiringi oleh isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor.

Turut bersama dalam delegasi Malaysia ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Mah Siew Keong serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Duta Malaysia di Jerman, Datuk Zulkifli Adnan dalam satu taklimat pada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan tersebut di sini berkata, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan Canselor Jerman, Dr. Angela Merkel bagi membincangkan isu-isu dua hala yang melibatkan soal perdagangan, pelaburan, pendidikan, sains dan teknologi serta pembangunan infrastruktur.

Katanya, kedua-dua pemimpin juga dijangka membincangkan soal masalah pendatang Syria dan isu keganasan antarabangsa.

Dalam lawatan selama tiga hari itu, Najib juga akan mengadakan sesi dialog dengan pemimpin-pemimpin utama sektor



NAJIB TUN RAZAK

temu dengan masyarakat dan pelajar-pelajar Malaysia di Jerman.

Menurut Zulkifli, sebanyak 30 syarikat gergasi di Jerman dijangka hadir pada dialog tersebut termasuklah daripada BMW, Volkswagen, B.Braun, AWS Schafer, Atotech, DEKRA, Infineon, Pactech, X-Fab, OSRAM dan Daimler.

Nilai dagangan Malaysia-Jerman berjumlah RM43.3 bilion pada tahun lalu dan sudah meningkat lebih lapan peratus pada enam bulan pertama tahun ini.

Menurut Zulkifli, Najib juga dijangka mengunjungi Mecklenburg-Vorpommern, kira-kira 150 kilometer timur laut Berlin dan mengadakan perbincangan dengan pemimpin negeri tersebut, Erwin Sellering.

Beliau juga akan melawat limbungan kapal MV Werften milik Kumpulan Genting Berhad. Limbungan bernilai 360 juta Euro itu akan membina kapal-kapal pelayaran pelanco-